

02/03/2000

Pendidikan seks wajar diajar di sekolah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pendidikan digesa memasukkan pendidikan seks sebagai mata pelajaran yang patut diajar berdasarkan 80 peratus daripada jumlah pembawa Virus Human Immunodeficiency (HIV) di Malaysia, adalah belia berumur 20 hingga 39 tahun.

Pengerusi Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir berkata, sudah tiba masanya diskriminasi dan pandangan serong mengenai HIV serta Sindrom Kurang Daya Tahan (Aids) diubah.

"Peratusan ini menunjukkan ia akan memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Adakah kita harus menunggu hingga 25 peratus rakyat Malaysia mengidap HIV/Aids, baru kita bertindak," katanya ketika merasmikan pembukaan Bengkel Kemahiran Komunikasi anjuran bersama MAM dan Rogen Malaysia Sdn Bhd di ibu pejabat MAM di sini, hari ini.

Bengkel itu bertujuan meningkatkan kemahiran kaunselor memberikan maklumat mengenai HIV/Aids di dalam dan luar negara.

(END)